

18/02/2001

GPMS hantar memorandum bantah Asiaweek

KUALA LUMPUR: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menghantar satu memorandum bantahan kepada majalah Asiaweek yang dilihat sengaja memutarbelitkan fakta sehingga memberi imej buruk kepada kerajaan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, GPMS menggesa Asiaweek memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir kerana bersikap tidak jujur dan tidak mengamalkan etikaewartawanan ketika temubual untuk rencana keluaran majalah itu pada 26 Januari lalu.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata bantahan yang dibuat melalui e-mel itu juga meminta majalah berkenaan menerangkan tujuan sebenar di sebalik penulisan rencana 26 Januari itu yang nyata memburuk-burukkan Malaysia sehingga boleh memberi kesan negatif kepada kestabilan politik dan ekonomi negara.

"Bantahan ini relevan kerana ia membabitkan maruah bangsa, agama dan negara. Secara tegas GPMS berdiri teguh di belakang kepemimpinan negara yang jelas terbukti membangunkan Malaysia dan berjaya membentuk perpaduan nasional serta mengamalkan kebebasan bersuara," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat GPMS, di sini semalam.

Dalam laporan khas mengenai Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, majalah itu melaporkan Shahrir kononnya dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada Disember lalu, memarahi Perdana Menteri kerana dikatakan menjadi punca utama kekalahan teruk Umno dalam beberapa kerusi pada pilihan raya umum lalu.

Selain Asiaweek, GPMS berpendapat sesetengah stesen televisyen asing termasuk CNN dilihat cenderung kepada pemberitaan berat sebelah dengan memberi gambaran negatif terhadap imej Malaysia.

Sehubungan itu, GPMS berharap kerajaan akan lebih bersikap tegas terhadap mana-mana media asing yang didapati membuat laporan yang salah bagi tujuan menimbulkan suasana tegang serta mengganggu perpaduan rakyat di negara ini.

(END)